

Banjir di utara tak berubah

24/10/2006

Beberapa pusat pemindahan baru dibuka di Kedah, paras Sungai Muda naik

Oleh Johari Ibrahim, Faiza Zainudin, Ahmad Che Doh, Zulfa Mohamaddan dan Basri Basir

KUALA LUMPUR: Banjir di tiga negeri di utara Semenanjung sejak tiga hari lalu tidak berubah dengan beberapa lagi pusat pemindahan baru dibuka di Kedah, manakala lebih 300 penduduk di Daerah Seberang Prai Utara diletakkan dalam keadaan berjaga berikutan paras Sungai Muda semakin meningkat ke paras bahaya.

Di **KEDAH**; Dua pusat pemindahan dibuka di Daerah Kota Star, semalam menjadikan semua enam pusat pemindahan sementara beroperasi sejak banjir melanda tiga hari lalu.

Dua pusat terbabit ialah Kampung Lubuk Keriang dan Kampung Gulau di Pokok Sena, manakala empat yang dibuka kelmarin masing-masing satu di Pendang dan Kota Star dan dua di Kubang Pasu.

Setakat petang semalam, 138 keluarga atau 591 mangsa dari 28 kampung masih ditempatkan di pusat pemindahan berkenaan.

Bagaimanapun, sebuah pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan

Kodiang, ditutup petang semalam.

Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata banjir yang melanda kawasan landai dan rendah dijangka berterusan sehingga Khamis ini apabila hujan dijangka berterusan beberapa hari lagi, manakala aliran air ke laut perlahan kerana fenomena air pasang besar.

Di **PULAU PINANG**; Lebih 500 penduduk dari dua kampung Kepala Batas, di sini, diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan paras Sungai Muda melimpah sehingga mencecah paras satu meter sejak tengah malam, kelmarin.

Hampir 100 keluarga di Kampung Gurun dan Kota Aur, dalam Daerah Seberang Prai Utara (SPU) menerima limpahan luar biasa dari hulu sungai itu sejak petang kelmarin.

Pegawai Daerah SPU, Azmi Lateh, berkata Pejabat Daerah bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang membuat pemantauan.

"Banjir dipercayai limpahan hujan dari hulu Sungai Muda di Daerah Baling dan kampung terbabit antara kawasan rendah yang mudah dilanda banjir," katanya.

Seorang penduduk Kampung Gu-



SEDIA BERPINDAH: Shahrudin menyelamatkan barangan elektrik berikutan rumahnya di Kampung Gurun, Kepala Batas dinaiki air setinggi 0.5 meter, semalam.

run, Shahrudin Mokhtar, 34, berkata dia memindahkan barangan elektrik dan perabot ke tingkat atas rumahnya, sebaik menyedari air mula naik jam 8 malam semalam.

Di **KANGAR**; Banjir yang melanda beberapa kawasan negeri ini sejak empat hari lalu semakin pulih, apabila semua mangsa sudah kembali ke rumah masing-masing, semalam.

Bagi Mariam Abdullah, 66, yang berasal dari Jelempek berkata, persiapan menyambut Aidfitri tahun ini sedikit terjejas kerana perabotnya rosak ditenggelami air.